KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	18/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			

SH 18.12.2021_12

Penyakit ASF babi hutan dikesan di Perak dan Pahang

SHAH ALAM - Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengesahkan kejadian penyakit African Swine Fever (ASF) pada babi hutan berlaku di Bidor dan Sungkai, Perak serta Jerantut, Pahang.

Menurut JPV, ujian yang dilakukan Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) di Ipoh, Perak dengan menggunakan teknik Real-Time Polymerase Chain Reaction (RT-PCR) dan analisis *sequencing* menunjukkan virus ASF adalah *strain Genotype II*.

"Penularan wabak tersebut bagaimanapun terkawal dan jangkitan hanya berlaku kepada babi hutan.

"Tiada ladang babi komersial yang terlibat. Pemindahan keluar babi dan produk babi dari zon pemantauan sentiasa dipantau ketat," menurut JPV dalam kenyataan pada Jumaat.

Tindakan pengawalan dan pencegahan perebakan penyakit ASF dilaksanakan antaranya memperketat syarat pindah babi dan produk babi di seluruh Semenanjung Malaysia, libat urus serta kempen kepada pengusaha ladang babi komersial.

Jelas JPV, pemantauan, pemeriksaan klinikal dan persampelan di ladang babi komersial turut dijalankan di kawasan terjangkit.

"Survelan lapangan akan terus dipergiat dari semasa ke semasa.

"Survelan dan pemantauan klinikal juga dilakukan di *outlet* jualan dan rumah sembelih babi seluruh negara.

"Kerjasama dengan pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli dan agensi terlibat dalam perladangan sawit Malaysia turut dilakukan," jelasnya.

Penternak babi dan orang ramai disaran supaya tidak panik kerana penyakit ASF adalah tidak zoonotik dan tidak berjangkit pada manusia.

Katanya, penternak dan orang awam dipohon melaporkan segera sebarang kematian luar biasa pada babi hutan, babi kampung dan babi komersial kepada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah (PPVD) dan Pejabat Perkhidmatan Veterinar Negeri yang berdekatan.

Laporan juga boleh dibuat ke Hotline Bilik Pengurusan Krisis Jabatan Perkhidmatan Veterinar Putrajaya di talian **03-8870 2041.**